

07/04/1997

ITTAR ambil sikap lebih terbuka

Fazli Abdullah

BERPEGANGKAN konsep pendemokrasian pendidikan dan menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat, Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) yang ditubuhkan enam tahun lalu, kini giat mengembangkan aktivitinya dalam bidang pendidikan.

Sehubungan itu, bagi memastikan peluang pendidikan dimanfaatkan sepenuhnya, institut berkenaan mengamalkan pendekatan lebih luwes dari segi pengambilan pelajar.

Bagaimanapun, kelonggaran itu seringkali disalahtafsirkan oleh sesetengah pihak kononnya ITTAR hanya sebagai tempat pelajar `kelas kedua' melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian masing-masing selepas permohonan mereka ditolak oleh institusi lain.

Menurut Naib Presiden Kanan (Operasi) ITTAR, Mohd Amin Idris, pihaknya mengamalkan sikap lebih terbuka dari segi pengambilan lepasan SPM bagi membolehkan lebih ramai remaja berpeluang melanjutkan pendidikan.

Baginya, institusi pengajian tinggi swasta lain kurang memberi perhatian kepada perkara ini kerana mereka lebih mementingkan kelulusan yang cemerlang sebelum diterima masuk ke institusi masing-masing.

Mohd Amin menjelaskan, jika semua institusi pendidikan tinggi berbuat demikian, peluang lepasan SPM yang tidak mempunyai kelulusan baik, tidak berpeluang melanjutkan pelajaran, sekali menafikan konsep pendemokrasian pendidikan.

"Bagaimanapun, ini tidak bermakna kami mengabaikan kualiti pelajar yang melanjutkan pelajaran di ITTAR. Apa yang kami lakukan ialah memberi peluang kepada semua lepasan SPM mendapatkan pendidikan.

"Mereka wajar diberi peluang melanjutkan pelajaran, sekali gus menunaikan tanggungjawab sosial kami kepada masyarakat yang kini kurang diberi perhatian oleh institusi pengajian lain," katanya.

Sebagai bukti ITTAR tidak mengabaikan kualiti pelajarannya ialah hanya 70-80 peratus sahaja yang berjaya menamatkan pengajian. Selain itu, lepasan ITTAR tidak menghadapi masalah mendapatkan peluang pekerjaan.

"Sekiranya kami tidak mengutamakan kualiti, sudah tentu semua pelajar lulus dalam pengajian mereka manakala sektor swasta pula tentu sukar menerima lepasan ITTAR," tegas Mohd Amin.

Mohd Amin menjelaskan ITTAR menggunakan pendekatan berbentuk bimbingan dalam setiap pengajian bagi memastikan pelajarannya memanfaatkan ilmu dipelajari.

"Oleh kerana kelulusan pelajar tidak sehebat institut lain, kami menggunakan pendekatan itu untuk memastikan mereka juga memiliki kemahiran yang sama dengan orang lain apabila tamat pengajian kelak," katanya.

ITTAR adalah institusi pengajian tinggi swasta milik penuh Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) yang ditubuhkan pada Oktober 1991 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac 1992.

Selepas itu, institut terus berkembang dan kini mempunyai tujuh cawangan iaitu di Kota Bharu, Alor Star, Johor Bahru, Langkawi, Petaling Jaya, Prai dan Kuala Lumpur selaku kampus induk.

Sehingga kini, ITTAR melahirkan 6,000 graduan pelbagai bidang. Antara kursus yang ditawarkan ialah Pentadbiran dan Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, Komputer dan Teknologi Maklumat dan Keusahawanan.

Pada masa ini, institut berkenaan melakukan usahasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, termasuk Universiti

Sains Malaysia dan Swansea Institut of Higher Education (SIHE).

Perundingan juga sedang dilakukan dengan beberapa institusi pengajian tinggi di United Kingdom dan Australia untuk menjalankan kerjasama bagi memantapkan lagi pembabitan ITTAR dalam bidang pendidikan.

(END)